


Perluasan Keagamaan



1

Asoka berusaha menguasai Kalinga. Namun, apabila 100 000 terkorban dan 150 000 orang kehilangan harta benda, Asoka mula mengubah dasar yang lebih toleran dan bertanggungjawab.

2

Asoka menumpukan kepada pengembangan agama Buddha dengan menghantar misi ke Tibet, Nepal, Alexandria, Antioch, Bactria dan Burma.

3

Misi ke Sri Lanka diketuai oleh Mahendra dan ke Asia Tenggara oleh Sona dan Uttara.

4

Asoka telah mengukir peraturan dan undang-undang pada tiang batu yang dikenali sebagai Tiang Asoka dan diletakkan di kawasan strategik untuk tatapan rakyat.

5

Pada zaman Gupta, penekanan diberikan kepada agama Hindu yang merangkumi aspek pemerintahan, kebudayaan, kesusasteraan, seni bina dan perdagangan.

6

Raja Samudragupta dikenali sebagai *Kaviraja* (Raja Penyair) kerana puisi berbentuk kegamaan. Zaman Gupta dikenali sebagai zaman keemasan dalam agama Hindu.